

TAHAP KESEDARAN PENJAWAT AWAM ISLAM TERHADAP KEPENTINGAN TAKAFUL HAYAT

Norunnajjah Ahmat, Mohd Safari bin Sarodin

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Malaysia.

Emel: najjah@utem.edu.my

ABSTRAK

Kajian berkaitan tahap kesedaran terhadap kepentingan takaful dalam kalangan penjawat awam muslim. Takaful yang difokuskan dalam kajian ini adalah takaful hayat iaitu perlindungan untuk diri sendiri. Skop kajian lebih terbuka iaitu tertumpu kepada komuniti masyarakat Islam yang dibahagikan kepada tiga kelompok responden iaitu penjawat awam, pekerja swasta dan juga pelajar yang berjumlah keseluruhannya ialah 34 orang. Kaedah yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif melalui edaran soal selidik secara rambang di kalangan masyarakat Islam. Keputusan yang diperolehi mendapati kesedaran penjawat awam muslim terhadap kepentingan takaful adalah masih pada tahap yang sederhana. Kesimpulannya, masih perlu banyak usaha yang diperlukan untuk memberi kefahaman dan kesedaran yang lebih jelas berkaitan takaful kepada mereka.

KATA KUNCI: *penjawat awam, takaful*

ABSTRACT

This study focus on the level of understanding among the Muslim government sector employee on the importance of takaful in their life. The product of takaful studied here is a kind of life insurance. The scope of the study focused on three categories of respondents comprised of employee from government sector and private sectors; and students also included. The number of the respondents were 34 people. The method of the study was a quantitative approach through surveys circulated randomly among the society. The result showed that the employee from the government sector has medium understanding about life insurance takaful. It means that, more effort need to be done to increase the level of their understanding about takaful in general and about life insurance takaful in specific.

KEYWORDS: *government servant, takaful*

1.0 PENGENALAN

Malaysia telah lama mengambil pendekatan yang komprehensif dalam pembangunan sistem kewangan Islam yang melibatkan komponen berbentuk perbankan Islam, takaful serta pasaran wang dan modal Islam. Pembangunan komponen teras yang teratur dan penyediaan persekitaran yang kondusif untuk sistem kewangan Islam telah berjaya menggembeleng sumber dengan cekap dan menjana aktiviti ekonomi yang produktif.

Situasi ini membolehkan pengendali takaful bergerak seiring dengan pengendali insuran konvensional dalam menyediakan produk yang bukan hanya kompetitif bahkan diluluskan oleh Syariah. Struktur yang komprehensif juga mempertingkatkan daya tahan dan kemantapan sistem kewangan Islam untuk menghadapi kejutan kewangan dan menyumbang ke arah meningkatkan kestabilan keseluruhan sistem kewangan Islam Malaysia.

Perkembangan industri takaful di Malaysia bermula pada awal tahun 1980-an. Ia dihasilkan rentetan daripada keperluan umat Islam pada ketika itu yang berkehendak kepada suatu alternatif kepada insuran konvensional yang sedia ada. Kewujudan industri takaful dipengaruhi sebahagian besarnya oleh keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia yang memutuskan bahawa insuran hayat dalam bentuk yang sedia ada ialah suatu kontrak yang tidak sah kerana mempunyai unsur-unsur *Gharar* (ketidaktentuan), *Riba* dan *Maisir* (perjudian). Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1982 untuk mengkaji daya maju penubuhan syarikat insurans yang menurut tuntutan Islam. Berdasarkan kajian pasukan tersebut, Akta Takaful telah dikuatkuasakan pada tahun 1984 dan pengendali takaful yang pertama telah diperbadankan di Malaysia pada bulan November 1984.

Sehingga kini, perkembangan industri takaful semakin pesat dengan pelbagai kemajuan termasuk dari segi penambahan jumlah pengendali, pertumbuhan dana, dan peningkatan sambutan dari kalangan masyarakat Islam khususnya. Namun hakikatnya ialah persaingan yang tinggi diantara pemegang tampuk industri insuran yang konvensional yang sudah lama bertapak kukuh di Malaysia dengan takaful yang patuh syariah dan masih muda dalam perjuangan. Oleh itu wajar kajian dilakukan untuk melihat tahap kesedaran masyarakat Islam akan kepentingan dan kewajaran berkaitan industri takaful ini.

Kajian mendapati walaupun industri takaful di Malaysia sudah bertapak melebihi 30 tahun, namun penerimaan industri ini kepada masyarakat umum masih lagi ada terbatas. Kebanyakannya sekadar pernah mendengar istilah itu tetapi tidak mengetahui secara jelas akan terma takaful itu sendiri mahupun peranannya. Ini menyebabkan tahap keyakinan masyarakat terhadap kemampuan takaful ini dalam memenuhi kehendak dan keperluan pengguna adalah rendah. Namun, terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengambil kisah akan kepentingan takaful menyebabkan mereka mengambil pendirian untuk tidak menyertai takaful. Manakala, mereka yang mengambil insuran dan takaful ada yang disebabkan terpaksa apabila melakukan pembelian kenderaan dan perumahan.

2.0 HUKUM INSURAN DAN TAKAFUL MENURUT ISLAM

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1 - 3 Februari 2008 telah membincangkan Hukum Pelaksanaan Takaful Di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa konsep dan pelaksanaan takaful di Malaysia adalah bertepatan dengan syariat Islam. Manakala, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-89 yang bersidang pada 14 - 16 Disember 2009 telah membincangkan Hukum Mempromosikan Produk Insurans Konvensional Menurut Perspektif Syariah. Muzakarah berpandangan bahawa sistem takaful berlandaskan syariah sedang pesat berkembang dan memerlukan sokongan umat Islam dalam usaha untuk memartabatkan sistem muamalat Islam. Sehubungan itu, Muzakarah memutuskan bahawa orang Islam adalah dilarang mempromosikan produk insurans konvensional yang jelas berasaskan sistem riba. Walau bagaimanapun, pendapatan atau komisyen yang diterima dalam proses transisi dari sistem konvensional kepada takaful adalah dimaafkan.

2.1 Keterangan Hukum Insuran

- a. Hukum terhadap insurans konvensional adalah jelas keharamannya mengikut kesepakatan para ulama' kerana ia mempunyai elemen tidak patuh syariah iaitu riba, *gharar* dan *maisir*.
- b. Keharaman muamalah riba tidak terhenti setakat amalan itu sahaja, bahkan Allah SWT telah mengisytiharkan perang kepada pemakan-pemakan harta riba. Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhawi telah mengemukakan pandangan bahawa bekerja di bank adalah dibenarkan selagi mana tidak berinteraksi secara terus dengan kontrak riba.
- c. Para sarjana Islam semasa bersepakat mengatakan bahawa sebarang pekerjaan yang berurusan secara terus (*direct*) dengan kontrak riba adalah haram kerana termasuk dalam larangan Nabi SAW yang membawa kepada laknat. Ijtihad para sarjana Islam dalam menghukumkan keharaman pekerjaan yang bersangkutan dengan amalan riba contohnya di sektor ribawi adalah bertepatan dengan kaedah *kulliyyah* yang menyebut maksudnya: "Sesuatu yang haram menerimanya juga diharamkan memberinya".
- d. Dalam erti kata lain, kaedah ini membawa maksud apa sahaja perkara haram diambil atau mengambilnya, haram juga hukumnya memberikan kepada orang lain. Illahnya ialah ia akan membantu atau menolong kepada perbuatan yang diharamkan.
- e. Dalam kes mempromosi produk-produk insurans konvensional, para ejen sememangnya bertugas untuk memasarkan produk-produk konvensional yang telah diputuskan haram secara sepakat. Maka dengan sebab itu, hadith Nabi SAW yang jelas melarang umat Islam daripada terlibat dengan urusan dan perniagaan ribawi iaitu yang bermaksud: "*Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, pemberi wakilnya, pencatatnya dan dua saksinya. Nabi SAW bersabda: Semuanya sama-sama dilaknat*" adalah terpakai dalam konteks ini. Walau bagaimanapun, bagi pekerja-pekerja yang tidak berurusan secara langsung dengan kontrak dan perniagaan riba, mengikut pandangan beberapa ulama' seperti yang disebut di atas, pekerja-pekerja tersebut tidaklah dihukum mengikut hadith Nabi ini.

f. Terdapat juga pandangan yang mengatakan selagi mana seseorang Muslim itu bekerja di bawah “bumbung” institusi yang mengamalkan sistem riba, pekerjaan mereka adalah ditegah kerana menyokong sistem yang dicela oleh Allah itu.

g. Sistem insurans berlandaskan syariah sedang pesat berkembang pada masa ini dan umat Islam yang bekerja dalam sektor insurans konvensional berlandaskan sistem yang ditegah oleh Islam wajar memilih sistem yang berlandaskan syariah.

h. Islam mengharamkan umatnya dari melibatkan diri dalam apa jua muamalah yang melibatkan riba kerana riba akan membawa kemusnahan kepada hidup manusia. Oleh itu tindakan mempromosikan atau mengajak orang lain menerima sesuatu yang berteraskan riba adalah jelas dilarang oleh Islam.

i. Mereka yang bekerja dalam mempromosikan skim insurans konvensional berlandaskan riba perlulah berusaha dan bertekad bersungguh-sungguh untuk meninggalkannya dan dalam proses peralihan tersebut pendapatan yang diterima adalah halal dan dimaafkan oleh Islam.

2.2 Kajian Perkembangan Takaful di Malaysia

Kajian Mohd. Sadad bin Mahmud (2012) terhadap perubahan yang berlaku dalam undang-undang berkaitan dengan kewangan Islam banyak mendokong perkembangan industri takaful di Malaysia. Beliau melihat penerapan undang-undang kewangan Islam mestilah memenuhi undang-undang syarak mahupun undang-undang sivil serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Manakala, penubuhan mahkamah yang khusus untuk sektor muamalat di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membuka ruang dan peluang kepada perkembangan undang-undang muamalat Islam khususnya takaful agar lebih terkehadapan. Sokongan yang berterusan ini amat diperlukan bagi menjana perubahan yang lebih drastik dan fleksibel dalam pembangunan infrastruktur perundangan kewangan Islam di Malaysia, selaras dengan hasrat kerajaan mempromosikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Kajian Mohd. Isa Mohd Deni (2009) turut mendapati bahawa takaful atau insuran Islam merupakan sebahagian daripada industri kewangan Islam yang amat pesat berkembang. Walaubagaimanapun, sambutan terhadapnya yang agak perlahan di kalangan masyarakat sering menimbulkan persoalan sedangkan pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak industri dan kerajaan untuk membangunkan sistem ini.

Manakala kajian Ahmad Tarmizi Ismail (2008) menyatakan masyarakat Islam di Malaysia telah menerima pakai istilah insuran secara meluas, namun sebenarnya masih ramai yang tidak memahami perjalanan akad atau kontrak insuran tersebut serta perspektif Islam terhadapnya. Kebanyakan masyarakat Islam di Malaysia melihat insuran sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Mereka beranggapan bahawa insuran adalah sesuatu keadaan untuk mendapatkan perlindungan atau jaminan keselamatan iaitu satu jaminan terhadap sesuatu, ganti rugi atau pampasan berbentuk harta atau kewangan apabila berlaku sesuatu musibah seperti insurans terhadap nyawa, kemalangan, kecurian, rompakan dan seumpamanya.

Persepsi masyarakat terhadap takaful boleh dilihat dalam kajian Mohd Isa Mohd Deni (2009) terhadap sekumpulan pelajar ijazah tinggi di sebuah universiti tempatan. Dapatan kajian menunjukkan, faktor utama responden tidak menyertai perlindungan takaful ialah kerana tidak

mendapat maklumat yang jelas mengenainya. Malahan sebahagian besar peserta takaful juga masih tidak mempunyai kefahaman dan persepsi yang baik tentang takaful.

Manakala, tulisan Mohamad A'sim Ismail (2010) dalam akhbar berpendapat, pengantara sesebuah syarikat takaful patut memainkan peranan yang lebih luas untuk menerangkan masyarakat akan peranan takaful. Ini kerana pengalaman lampau akan peserta takaful yang tidak mendapat pampasan seperti yang sepatutnya menyebabkan timbul persepsi negatif terhadap pengantara takaful terutamanya di kalangan masyarakat Melayu, walaupun sebenarnya kes tersebut adalah terencil. Tambahan pula, terdapat peserta takaful yang tidak arif akan pelan takaful yang mereka ambil. Ia menyebabkan salah faham akan produk ini sehingga menjadi punca utama persepsi negatif terutamanya apabila pengantara takaful tidak menjelaskan dengan telus akan musibah yang dilindungi dalam pelan takaful yang disertai peserta. Diharapkan, pengantara takaful yang bersikap ikhlas memberi kefahaman kepada masyarakat dengan baik akan mengelak lebih banyak salah faham di kalangan masyarakat Islam seterusnya menjaga nama baik agama Islam yang dijadikan bimbingan industri takaful.

3.0 METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini dilakukan secara deskriptif kuantitatif daripada maklum balas yang diterima daripada responden yang dipilih secara rambang melalui instrument berbentuk borang soal selidik. Ia akan menjawab objektif utama kajian ini untuk mengetahui persepsi dan penerimaan masyarakat Islam terhadap takaful. Takaful yang difokuskan di sini adalah lebih kepada takaful hayat iaitu bagi memberi perlindungan kepada diri sendiri.

4.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kepada hasil dapatan, majoriti pernyataan dan item yang dinyatakan mendapat maklum balas yang positif terhadap faktor-faktor yang diperbincangkan. Secara umum, hampir keseluruhan responden bersetuju dengan takaful sebagai satu kaedah perlindungan kepada diri sendiri, ahli keluarga dan seterusnya juga bagi meringankan beban keluarga sekiranya berlaku apa-apa musibah. Namun demikian, segelintir responden dilihat masih keliru dan kurang pendedahan bahawa takaful dan insuran adalah dua perkara yang berlainan dan ianya masih lagi dianggap perkara yang sama oleh beberapa pihak.

4.1 Dapatan akan Kesedaran Am Perlunya Perlindungan

Kajian akan sejauhmanakah masyarakat Islam menyedari akan kepentingan sebuah plan perlindungan diambil oleh setiap individu boleh diperolehi daripada rajah dibawah.



Rajah 1: Maklum balas responden terhadap perlunya plan perlindungan kepada diri sendiri

Merujuk kepada Rajah 1, maklum balas responden menampakkan bahawa tahap kesedaran untuk perlunya perlindungan kepada diri sendiri masih di tahap kurang meyakinkan. Peratusan responden yang menyatakan persetujuan terhadap item 'Takaful atau Insuran ini tidak perlu dengan beranggapan nyawa dan tubuh ini bukanlah untuk tujuan jual beli yang boleh mendapat keuntungan daripadanya' dalam jumlah yang tinggi. Malahan ramai responden dari sektor kerajaan bersetuju dengan ketidakperluan takaful kerana nyawa bukan untuk dijual beli. Para responden dari sektor swasta mungkin lebih memahami akan kepentingan takaful apabila tiada responden yang setuju mahupun sangat setuju akan persepsi takaful hayat dalam aspek keuntungan.

Kelompok pelajar yang merupakan responden yang paling ramai menyatakan bahawa tidak perlu untuk mempunyai perlindungan diri sendiri. Perkara ini dapat disedari bahawa golongan pelajar sememangnya belum mempunyai pendedahan yang lebih banyak berkaitan kepentingan perlindungan diri ini. Dalam masa yang sama, golongan pelajar juga masih terikat dengan faktor kewangan dan tekanan kehidupan yang tidak memaksa mereka untuk memahami perkara ini.


Dalam masa yang sama, dapat dinyatakan, golongan sektor swasta memberi maklum balas yang positif apabila tidak ada yang menyatakan persetujuan terhadap pernyataan tersebut. Perkara ini memberi satu petunjuk bahawa masyarakat daripada golongan swasta lebih menyedari bahawa pentingnya setiap masyarakat memiliki pelan perlindungan untuk diri sendiri. Mereka yang terlibat di dalam sektor swasta lebih memahami bahawa risiko yang bakal berlaku pada bila-bila masa dalam waktu bekerja dan sebagainya.

Namun, kelompok penjawat awam pula mempunyai pemahaman tentang takaful yang seimbang. Ia bermaksud, terdapat penjawat awam yang telah mempunyai kesedaran akan perlunya pelan perlindungan tetapi dianggap bukan suatu keperluan yang mendesak. Pemahaman sedemikian mungkin disebabkan faktor suasana kerja dan jaminan kerjaya yang tetap di dalam sektor kerajaan sehingga memberikan pengaruh dalam pemahaman pada tahap begini.

Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa kesedaran masyarakat Islam terhadap perlunya pelan perlindungan diri masih berada pada tahap sederhana. Kesedaran akan kepentingan takaful wajar lebih meluas dan lebih jelas disembarkan di kalangan masyarakat Islam.

4.2 Jumlah Responden Menyertai Takaful

Soal jawab telah dijalankan kepada responden berkaitan penyertaan masing-masing ke dalam takaful.



Merujuk kepada data yang diperolehi, daripada 34 orang responden yang ditemui, hanya 13 orang daripadanya mempunyai polisi takaful sendiri manakala bakinya iaitu 21 orang tidak mempunyai

polisi takaful. Angka ini memberikan satu jawapan yang memberi gambaran bahawa, takaful masih lagi belum menjadi pilihan utama masyarakat di Malaysia. Perkara ini juga dapat menyatakan bahawa tahap kesedaran masyarakat masih lagi di tahap yang tidak memuaskan dan takaful masih lagi dianggap satu perkara yang asing di kalangan sesetengah masyarakat.

Merujuk pula kepada kelompok yang terlibat. Didapati responden dari kalangan kelompok pelajar kesemuanya tidak ataupun belum menyertai takaful. Manakala untuk responden dari kerajaan, hanya tujuh orang menyertai manakala bakinya iaitu lima orang tidak menyertai. Golongan swasta pula seramai enam orang menyertai dan bakinya iaitu 4 masih tidak menyertai takaful. Perbincangan difokuskan kepada kelompok pelajar yang kesemuanya masih tidak menyertai takaful. Majoriti jawapan berkaitan punca tidak menyertai takaful adalah kerana belum ada sumber kewangan dan juga tidak memahami takaful.

Tidak mempunyai sumber kewangan merupakan alasan yang boleh diterima kerana sememangnya golongan pelajar masih belum mempunyai sumber kewangan untuk membiayai bayaran takaful. Namun demikian, harus di ambil kira, risiko apa jua kemalangan tidak akan mengira seseorang itu dalam kelompok mana pun. Setiap orang berhadapan dengan risiko masing-masing. Lantaran itu, bagi kelompok pelajar, yang harus bertanggungjawab memberi pelan takaful adalah ibu dan bapa ataupun penjaga pelajar berkenaan. Kesedaran ini masih berada di tahap yang amat rendah apabila mendapati para pelajar tidak mempunyai pelan takaful untuk diri sendiri. Dalam hal ini, kesedaran haruslah ada di kalangan ibu dan bapa bagi memastikan anak-anak mereka sentiasa dalam keadaan bersedia sekiranya berlaku apa jua risiko.

Majoriti syarikat takaful kini menawarkan pelan pendidikan khusus untuk anak-anak yang berumur sehari sehinggalah yang berumur 25 tahun. Pelan yang disediakan ini sudah tentu untuk memberi perlindungan kepada anak-anak dan dalam masa yang sama mempunyai nilai simpanan yang boleh digunakan ketika diperlukan nanti. Justeru, kesedaran inilah yang perlu ditekankan kepada segenap lapisan masyarakat. Mengikut peredaran zaman kini, tidak dinafikan semakin ramai ibu bapa yang peduli dan mengambil inisiatif untuk menyediakan polisi takaful untuk anak masing-masing. Jika mahu dibandingkan dengan situasi sebelum ini, perkembangan yang berlaku amatlah baik dan positif.

Pada pandang sisi yang lain, perkembangan tersebut tidak terlalu meluas dan memerlukan daya usaha dan promosi dengan lebih baik lagi untuk menyampaikan mesej dan ilmu kepada masyarakat.

5.0 KESIMPULAN

Menyentuh kesedaran terhadap takaful di kalangan penjawat awam ini, mereka boleh dibahagikan kepada dua jenis kelompok. Kelompok pertama adalah mereka yang telah memahami dengan jelas perihal takaful. Mereka mengetahui kepentingan takaful dan mengakui takaful adalah satu perkara yang terbaik dan wajar dimiliki oleh setiap individu. Golongan pertama ini agak ramai dari kalangan penjawat awam ini. Namun demikian, walaupun sedar akan kepentingan takaful, mereka ini pula boleh dibahagikan kepada dua jenis kategori iaitu yang telah mengambil takaful dan tidak ataupun belum mengambil takaful. Kelompok yang sudah mempunyai takaful dianggap sebagai kelompok yang telah mempunyai kesedaran kepentingan takaful. Namun, golongan yang

memahami takaful tetapi tidak mempunyai polisi juga harus di ambil kira. Penemuan yang dijalankan menunjukkan punca utama mengapa golongan ini masih lagi belum mengambil pelan takaful untuk dirinya sendiri ialah disebabkan kekangan kewangan.

Manakala, tahap kesedaran di kalangan pekerja swasta terhadap kepentingan takaful adalah pada tahap yang sederhana. Kesedaran mereka lebih terarah kepada perlunya diri mereka dilindungi. Tidak kira sama ada skim perlindungan itu takaful ataupun insuran konvensional, ianya bukanlah satu perkara yang memerlukan penilaian yang tinggi. Ini kerana mereka merupakan diantara kelompok masyarakat yang terdedah dengan risiko yang agak tinggi berbanding dengan penjawat awam.

Pemerhatian yang dilakukan terhadap pelajar mendapati tahap kesedaran berkaitan kepentingan takaful adalah amat rendah. Ini bersesuaian dengan tahap kematangan pemikiran, pendidikan dan pengalaman dengan dunia realiti yang terbatas.

Keseluruhannya, agensi insuran Muslim perlu memainkan peranan mereka dalam memastikan perkembangan industri takaful terus berjaya menjadi pilihan nombor 1 masyarakat Islam dan bukan lagi sebagai satu alternatif berbanding insuran konvensional.

RUJUKAN

Abd. Jalil Borham. (1999). *Sains muamalah Islam di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Akhimizi. (25 Ogos 2008) *Insurans menurut perspektif Islam*. Capaian pada 11 April 2014 dari <http://akhimizi.blogspot.com/2008/08/artikel-lama-insurans-menurut.html>.

Berita Harian Online. (27 Mei 2010) *Pengantara takaful perlu ikhlas, jujur beri penerangan*. Capaian pada 11 April 2014 dari http://www.bharian.com.my/articles/Pengantaratakafulperluikhlas_jujurberipenerangan/Article/print_html.

Muhammad Abdul Mannan. (2007). *Ekonomi Islam: teori dan praktis*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Mohammad Nidzam Abdul Kadir. (2007). *Soal jawab remeh-temeh tentang muamalat tapi anda malu bertanya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Shamsiah Mohamad & Mohamad Sabri Haron. (2010). *ABSM3103 Fiqh Mu'amalat*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.

Surtahman Kastin Hassan & Sanep Ahmad. *Ekonomi Islam: dasar dan amalan* (Ed. Ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharuddin Abd Rahman. (2009). *Panduan perbankan Islam: kontrak & produk asas*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Zaharuddin Abd Rahman. (2009). *Wang, anda & Islam: halal dan haram kewangan dan perbankan* (Ed. Ke-2). Kelana Jaya: True Wealth Sdn. Bhd.